



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2015/2016**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

**Kod Kursus** : SP 5307  
**Nama Kursus** : Undang-Undang Keluarga Islam  
**Peringkat Kursus** : Diploma Lepas Ijazah  
**Masa** : 3 jam

#### **Nota :**

Jawab **lima** soalan dari soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**SOALAN PERTAMA (10 markah)**

1. Bincangkan pembubaran perkahwinan melalui cerai tebus talaq yang terdapat dalam hukum Syara' dan yang diperuntukkan dibawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (5 markah)
2. Dayang Kenit sudah tiga tahun menanti kepulangan suaminya. Setakat ini, tiada khabar berita mengenai suaminya. Keadaan suaminya masih di dalam siasatan pihak berkuasa. Manakala Dayang Kenit amat memerlukan sokongan dan bantuan seseorang yang bergelar suami buat dirinya. Nyatakan status kedudukannya dan jalan penyelesaiannya berdasarkan hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (5 markah)

**SOALAN KEDUA (10 markah)**

1. Dayang Aloya telah diceraikan oleh suaminya tengahari tadi. Dia berasa teramat sedih lebih-lebih lagi apabila mengenangkan nasib anak-anaknya yang masih kecil. Rumah impian mereka suami isteri hasil dari perkongsian titik peluh mereka bersama baru saja selesai dibangunkan. Berdasarkan kepada fakta kes Dayang Aloya, sila terangkan hak-hak yang boleh dituntut oleh seseorang isteri yang telah diceraikan oleh suaminya yang diperuntukkan dibawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (7 markah).
2. Pada malam hari, suami kepada Dayang Aloya, iaitu Awang Quman berasa menyesal dan ingin kembali meruju' isterinya yang telah diceraikannya itu. Apakah prosedur yang perlu diikuti oleh Awang Quman yang berhasrat untuk meruju' isterinya itu dibawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012? (3 markah)

**SOALAN KETIGA (10 markah)**

1. Nyatakan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan akad nikah dan perkahwinan dibawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (7 markah).
2. Jelaskan pengertian wali hakim dan peranannya di dalam akad nikah. (3 markah)

**SOALAN KEEMPAT (10 markah)**

Awang Lepat dan Dayang Koci adalah sepasang suami isteri yang telah bercerai. Sepanjang perkahwinan mereka telah dikurniakan tiga orang anak yang kini berusia 9, 5 dan 3 tahun. Mereka juga telah turut mengambil seorang anak angkat yang berusia setahun. Yang menjadi isu pertelingkahan diantara mereka adalah menentukan siapa yang lebih berhak mendapat hak penjagaan anak-anak diantara mereka. Tolong jelaskan peruntukan yang terdapat di bawah hukum Syara', Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012, serta merujuk kepada kes-kes yang relevan untuk menyelesaikan masalah mereka. (10 markah)

**SOALAN KELIMA (10 markah)**

1. Sila nyatakan syarat-syarat kelayakan untuk seorang isteri dan anak menerima nafkah seperti yang didapati di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 serta rujukan kepada beberapa kes yang relevan. (6 markah)

2. Jelaskan maksud dan tujuan perintah 'nafkah sementara' (*interim maintenance*) yang terdapat di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (4 markah)

**SOALAN KEENAM (10 markah)**

1. Tuliskan dalil tentang galakan Syara' untuk menyelesaikan *syiqaq* (perkelahian) yang berlaku diantara suami isteri sebelum memilih jalan untuk membubar perkahwinan. (3 markah)

2. Dayang Lationa yang sudah 3 bulan memeluk agama Islam telah dihalang oleh suaminya untuk menunaikan haji pada tahun itu. Adakah ini dianggap *dharar syar'ie* terhadap dirinya? Jelaskan. (3 markah)

3. Siapa yang boleh menuntut *fasakh* untuk membubarkan perkahwinan dalam hukum Syara'? Nyatakan dasar-dasar yang diperuntukkan oleh Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 yang membolehkan seorang suami menuntut *fasakh*. (4 markah)